



4 Julai 2023
4 July 2023
P.U. (A) 203

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH (PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2023

HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2023

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 83 Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 [Akta 838], Menteri, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Suri Rumah (Pengkompaunan Kesalahan) 2023**.

Kesalahan yang boleh dikompaun

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Kesalahan yang disebut dalam subperaturan (1) boleh dikompaun dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya dalam Borang SRK 1 Jadual Kedua.

Tatacara mengkompaun

3. (1) Apabila menerima apa-apa maklumat atau aduan bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompaun telah dilakukan, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai Pertubuhan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu dalam Borang SRK 2 Jadual Kedua.

(2) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan adalah sah bagi tempoh empat belas hari bermula dari tarikh tawaran itu diterima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pengarah, dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat dalam tempoh empat belas hari itu atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.

Penyetujuterimaan kompaun

4. Seseorang yang menyetuju terima suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah menyetuju terima tawaran itu dalam Borang SRK 3 Jadual Kedua dan mengembalikan Borang SRK 3 itu kepada Pertubuhan.

Pembayaran kompaun

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan disetuju terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membayar kompaun itu—

(a) secara kiriman wang, wang pos, perintah juruwang, arahan bank atau draf bank dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah; atau

(b) melalui pemindahan wang secara elektronik ke dalam akaun Pertubuhan.

(2) Pembayaran kompaun yang dibuat mengikut perenggan (1)(a) hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar prabayar kepada Ketua Pengarah di alamat yang dinyatakan dalam Borang SRK 2 Jadual Kedua.

(3) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi untuk tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu telah dibuat.

(4) Suatu resit rasmi yang dikeluarkan di bawah subperaturan (3) hendaklah termasuk apa-apa resit elektronik jika pembayaran dibuat melalui pemindahan wang secara elektronik sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (1)(b).

Pendakwaan boleh dimulakan jika tiada pembayaran dibuat

6. Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang ditawarkan itu dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan 3(2), pendakwaan boleh dimulakan tanpa notis selanjutnya.

JADUAL PERTAMA

[Subperaturan 2(1)]

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

Kesalahan di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

- (a) subseksyen 15(11);
- (b) subseksyen 15(13);
- (c) subseksyen 76(3); dan
- (d) seksyen 77.

JADUAL KEDUA

BORANG SRK 1

[Subperaturan 2(2)]

AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2023

KEIZINAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 83(2) Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 [*Akta 838*] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], saya (*nama*) dengan ini memberikan keizinan untuk mengkompaun (*nama orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat*) bagi kesalahan yang dilakukan di bawah yang dikatakan telah dilakukan pada (*tarikh*) di (*tempat*).

Tarikh:

.....
Pendakwa Raya/
Timbalan Pendakwa Raya

BORANG SRK 2

[Subperaturan 3(1) dan 5(2)]

AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2023

TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Nombor rujukan :

Tarikh :

Pertubuhan Keselamatan Sosial

.....
.....
.....

Kepada:

.....
.....
.....

*Tuan/Puan,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap anda
(nyatakan nama *individu/syarikat/perniagaan/badan lain, jika ada) dan anda
didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Keselamatan Sosial Suri
Rumah 2022 [Akta 838] dengan butir-butir yang berikut:

(a) peruntukan Akta yang berkaitan :

.....
.....

- (b) tarikh :
- (c) masa :
- (d) tempat :
- (e) butir-butir kesalahan :

2. Menurut subseksyen 83(2) Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, anda ditawarkan suatu kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM(..... (*dalam perkataan*) ringgit sahaja).

3. Sekiranya tawaran kompaun ini disetuju terima, bayaran hendaklah dibuat—

(a) secara *kiriman wang/wang pos/perintah juruwang/arahan bank/draf bank dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial dan dihantar secara serahan tangan ke pejabat Pertubuhan Keselamatan Sosial yang berkenaan di (*alamat*); atau

(b) melalui pemindahan wang secara elektronik ke akaun Pertubuhan seperti yang berikut:

.....

4. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran kompaun itu diterima.

5. Tawaran untuk mengkompaun ini adalah sah sehingga..... .

6. Jika tiada bayaran diterima dalam tempoh yang disebut dalam perenggan 5, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan terhadap anda/

(nyatakan nama *individu/syarikat/perniagaan/badan lain, jika ada) tanpa notis selanjutnya.

.....
*Ketua Pengarah/Pegawai Pengkompaun**

Nama:

Jawatan:

Cop rasmi:

* *Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

BORANG SRK 3

[Peraturan 4]

AKTA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH 2022

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2023

PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

Kepada:

Ketua Pengarah

Pertubuhan Keselamatan Sosial

.....

.....

.....

*Tuan/Puan,

Saya merujuk kepada Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan bertarikh

2. Saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan ini dan saya menerima tawaran kompaun itu dan disertakan bersama-sama ini pembayaran melalui *kiriman wang/wang pos/perintah juruwang/arahan bank/draf bank No. dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial bagi jumlah wang sebanyak RM..... (..... (*dalam perkataan*) ringgit sahaja) sebagai penyelesaian penuh bagi jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

Tandatangan :

Nama (*huruf besar*) :

*No. Kad Pengenalan/No. Pasport :

Nama jawatan (*jika berkenaan*) :

Bagi pihak (*jika berkenaan*) :
(*nama *individu/syarikat/perniagaan/badan lain*)

Cop rasmi *syarikat/perniagaan/badan lain (*jika berkenaan*) :

*No. Pendaftaran syarikat/No. Lesen/No. Permit (*jika berkenaan*) :

Alamat :

.....

Tarikh :

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

Dibuat 9 Jun 2023
[KSM/PUU/(S)/;PN(PU2)765]

SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU
Menteri Sumber Manusia

Diluluskan 4 Julai 2023
[KSM/PUU/(S)/;PN(PU2)765]

TAN SRI IDRUS BIN HARUN
Pendakwa Raya Malaysia

HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY 2022

HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY
(COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2023

IN exercise of the powers conferred by section 83 of the Housewives' Social Security Act 2022 [Act 838], the Minister, with the approval of the Public Prosecutor, makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Housewives' Social Security (Compounding of Offences) Regulations 2023**.

Compoundable offences

2. (1) The offences specified in the First Schedule are prescribed as compoundable offences.

(2) The offences referred to in subregulation (1) may be compounded with the consent in writing of the Public Prosecutor in Form SRK 1 of the Second Schedule.

Procedure for compounding

3. (1) Upon receipt of any information or complaint that an offence which may be compounded has been committed, the Director General or any officer of the Organization authorized in writing by the Director General may issue an offer to compound the offence in Form SRK 2 of the Second Schedule.

(2) An offer to compound an offence shall be valid for a period of fourteen days from the date the offer is received by the person to whom the offer is made or such extended period as the Director General may grant, and if full payment of the sum offered is made within the period of fourteen days or such extended period granted, no further proceedings shall be taken against the person who committed such offence.

Acceptance of compound

4. A person who accepts an offer to compound a compoundable offence shall accept the offer in Form SRK 3 of the Second Schedule and return the Form SRK 3 to the Organization.

Payment of compound

5. (1) If an offer to compound an offence is accepted by the person to whom the offer is made, he shall pay the compound—

(a) by money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the Director General; or

(b) through an electronic fund transfer to the account of the Organization.

(2) The payment of compound made in accordance with paragraph (1)(a) shall be delivered personally or sent by prepaid registered post to the Director General at the address specified in Form SRK 2 of the Second Schedule.

(3) The Director General shall issue an official receipt for every payment received under subregulation (1) to the person to whom the offer to compound an offence is made.

(4) An official receipt issued under subregulation (3) shall include any electronic receipt if the payment is made through an electronic fund transfer as specified in paragraph (1)(b).

Prosecution may be instituted if no payment made

6. If no payment of the compound offered is made within the period specified in subregulation 3(2), prosecution may be instituted without further notice.

FIRST SCHEDULE

[Subregulation 2(1)]

COMPOUNDABLE OFFENCES

The offences under the following provisions of the Housewives' Social Security Act 2022 are prescribed as compoundable offences:

- (a)* subsection 15(11);
- (b)* subsection 15(13);
- (c)* section 76(3); and
- (d)* section 77.

SECOND SCHEDULE

FORM SRK 1

[Subregulation 2(2)]

HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY ACT 2022

HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2023

CONSENT TO COMPOUND OFFENCES

IN exercise of the powers conferred by subsection 83(2) of the Housewives' Social Security Act 2022 [*Act 838*] and subsection 376(3) of the Criminal Procedure Code [*Act 593*], I (*name*) give consent to compound (*name of the person to whom the compound offer is made*) for the offence committed under which is said to have been committed on (*date*) at (*place*).

Date:

.....
Public Prosecutor/
Deputy Public Prosecutor

FORM SRK 2

[Subregulations 3(1) and 5(2)]

HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY ACT 2022

HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2023

OFFER TO COMPOUND OFFENCES

Reference number :

Date :

Social Security Organization

.....
.....
.....

To:

.....
.....
.....

*Sir/Madam,

An investigation has been conducted against you
(state name of **individual/company/business/other body, if any*) and you are found to
have committed an offence under the Housewives' Social Security Act 2022
[Act 838] with the following particulars:

(a) relevant provision of the Act :

.....
.....

(b) date :

(c) time :

(d) place :

(e) particulars of offence :

.....

.....

2. Pursuant to subsection 83(2) of the Housewives' Social Security Act 2022, with the written consent of the Public Prosecutor, you are offered a compound for the offence stated above for the sum of RM(..... *(in words)* ringgit only).

3. If the offer to compound is accepted, payment shall be made—

(a) by *money order/postal order/cashier's order/banker's order/bank draft crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the Director General of Social Security Organization and sent by hand to the relevant Social Security Organization office at (*address*); or

(b) through an electronic fund transfer to the account of the Organization as follows:

.....

4. An official receipt shall be issued on receipt of the payment of the compound.

5. This offer to compound shall be valid until

6. If no payment is received within the period referred to in paragraph 5, prosecution for the offence may be instituted against you/
(state name of * individual/company/business/other body, if any) without further notice.

.....

*Director General/Compounding Officer**

Name:

Designation:

Official stamp:

*Delete whichever is inapplicable

FORM SRK 3

[Regulation 4]

HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY ACT 2022

HOUSEWIVES' SOCIAL SECURITY (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2023

ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND OFFENCES

To:

Director General

Social Security Organization

.....
.....
.....

*Sir/Madam,

I refer to the Offer to Compound Offences bearing the reference number
dated

2. I admit that I have committed this offence and I accept the offer to compound and enclosed herewith is the payment by *money order/postal order/cashier's order/banker's order/bank draft No. crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the Director General of Social Security Organization for the sum of RM (..... *(in words)* ringgit only) as full settlement of the sum stipulated in paragraph 2 of the Offer to Compound Offences.

Signature :

Name *(in capital letter)* :

*Identification Card No./Passport No. :

Designation *(if applicable)* :

On behalf *(if applicable)* :
(name of *individual/company/business/other body)

Official stamp of *company/business/other body *(if applicable)* :

*Registration No./License No./ Permit No. *(if applicable)* :

Address :

.....

Date :

**Delete whichever is inapplicable*

Made 9 June 2023
[KSM/PUU/(S)/; PN(PU2)765]

SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU
Minister of Human Resources

Approved 4 July 2023
[KSM/PUU/(S)/; PN(PU2)765]

TAN SRI IDRUS BIN HARUN
Public Prosecutor of Malaysia